


# Institusi Pemberdayaan

Kunci utama membangun dasar dengan adanya penglibatan memperbaharui institusi-institusi yang mampu berdepan dengan kerumitan, kekacauan dan percanggahan.

# Dimensi Pascanormal

## *Complexity*

Kerumitan tidak mungkin ditangani dengan penyelesaian yang dangkal. Keazaman untuk berubah, dan jika fenomena ini tidak difahami, dasar yang bakal digubal akan tersasar.

## *Chaos*

Kesedaran mengurangkan elemen kekacauan (dengan kesedaran tidak mungkin dapat diatasi sepenuhnya).

## *Contradiction*

Analisa MADANI menzahirkan percanggahan yang selama ini mungkin diabaikan ekoran pertembungan antara kemodenan dan kebudayaan, kemajuan dan pertumbuhan dan pelbagai lagi.

## *Speed*

Memantau kelajuan corak perkembangan di peringkat global.

## *Scope*

Menjangka skop isu yang berkemungkinan akan timbul.

## *Scale*

Melakar skala senario kemelut dan krisis lain yang berpotensi untuk berlaku di negara atau tempat lain.

## *Simultaneity*

Pandemik COVID-19 memaparkan senario terburuk bagi keserentakan peristiwa, krisis, tatkala Malaysia diasak secara serentak oleh kemelut politik, ekonomi, sosial dan alam sekitar.



# MALAYSIA MADANI

**Membangun Negara MADANI: Visi dan Kerangka Dasar Reformasi**


MALAYSIA MADANI Jabatan Komunikasi Komuniti (J-KOM) https://www.jkom.gov.my

# VISI
## MALAYSIA MADANI

**Mencorak masa hadapan Malaysia dengan segala potensi yang ada dengan mengambil kira segala bentuk perubahan yang mengubah dunia dan bercita-cita mengemudi Malaysia dalam zaman pascanormal yang serba rumit melalui laras bahasa, konsep dan budaya kearifan tempatan.**



# KONTEKS
## ISLAM

Piagam Madinah yang ditulis pada 1 Hijrah (622 Masihi) merupakan sebuah kontrak sosial mengandungi 47 Fasal yang merupakan perlembagaan bertulis pertama di dunia (23 Fasal-hubungan umat Islam sesama Islam iaitu golongan Ansar dan Muhajirin dan 24 Fasal-Mengenai umat Islam dengan Yahudi).

# KONTEKS
## BARAT

### 01. Thomas Hobbes

Manusia memerlukan seorang pemerintah iaitu raja untuk menafikan dominasi rakyat yang tamak dan korup.

### 02. John Locke

Kerajaan bertanggungjawab untuk menjamin 3 perkara asas yang diperlukan rakyat (life, property dan dignity).

### 03. Jean-Jacques Rousseau

Perlu ada perjanjian kontrak sosial antara kerajaan dengan rakyat.

